

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29/01/2018

'Pilih Dr Mahathir kerana bintang harapan cedera'

BH - 29/1/2018 Pg. 8

Kuantan: Ketua Sekretariat Pakatan Harapan, Datuk Saifuddin Abdullah mengakui pemilihan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri sekiranya pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang adalah disebabkan 'bintang harapan mereka cedera'.

Katanya, sekalipun pemilihan Dr

Mahathir mendatangkan rasa tidak puas hati sebilangan besar penyokong, barisan kepimpinan cuba membuat keputusan terbaik dalam situasi yang tidak ideal.

"Kita ibarat pasukan bola sepak yang berlatih bertahun-tahun, namun apabila hendak masuk permainan, bintang harapan kita cedera atau kita terpaksa bermain

dalam keadaan padang tidak elok atau cuaca hujan lebat.

Perhatian anak muda

"Ramai yang mahu (Datuk Seri) Anwar (Ibrahim), termasuk saya. Kalau boleh lakukan silap mata Anwar bebas esok dan terus mendapat pengampunan diraja lalu boleh bertanding pilihan raya. Su-

dah tentu kita akan mencalonkan dia," katanya pada majlis ceramah umum, di sini malam kelmarin.

Saifuddin berkata, pemilihan Dr Mahathir juga dibuat bersandarkan kajian yang mendapati tiga tokoh Melayu yang mendapat perhatian anak muda ialah, Ketua Pemuda UMNO Khairy Jamaluddin, Dr Mahathir dan Anwar, sekali gus men-

jadikan gabungan Mahathir-Anwar sebagai gabungan ideal pakatan.

Anwar yang juga ketua umum pakatan itu dijangka dibebaskan daripada penjara pada 8 Jun ini, namun peruntukan undang-undang menghalang beliau daripada bertanding pada pilihan raya selama lima tahun selepas dibebaskan.

BERNAMA